

Manik Borneo bernilai tinggi

Khazanah unik seni kraf tangan sinonim dengan warisan budaya pelbagai etnik di Bumi Kenyalang

Oleh Nas Norziela Nasbah

bhnews@bh.com.my

Kewujudan manik lebih 40,000 tahun lalu digunakan dalam hampir setiap peringkat kehidupan bermula daripada kelahiran sehingga kematian oleh pelbagai etnik di Sarawak menjadikan perhiasan itu amat bernilai tinggi dan unik.

Sejarah kewujudannya sangat menarik dengan cerita mitos sehingga menjadikan simbol kemewahan, melambangkan status pemakainya dan khazanah unik seni kraf tangan yang sinonim dengan budaya masyarakat pribumi Kepulauan Borneo.

Setiap manik berbeza harganya. Manik paling mahal pernah dicatatkan adalah jenis manik lukut sekala, iaitu berharga RM4,000 sebutir, lantas mempamerkan mempunyai nilai yang sangat tinggi.

Meskipun, manik asalnya dibawa masuk dari Eropah, India, Afrika dan China ke Sarawak melalui aktiviti perdagangan, namun seiring perjalanan waktu, menjadikan perhiasan itu sebagai budaya yang signifikan seterusnya berperanan penting dalam kehidupan hampir semua kumpulan etnik di Bumi Kenyalang.

Malah, ia juga sebagai bukti arkeologi dengan penemuan pelbagai barangan di Pulau Borneo termasuk manik, serpihan seramik dan besi terhadap kewujudan hubungan dagang antara pelbagai benua dan Sarawak.

Menurut Ketua Seksyen Koleksi Jabatan Muzium Sarawak, Dora Jok, selain perhiasan diri, manik bernilai sebagai harta pusaka keluarga, barang hantaran untuk pertunangan dan perkahwinan.

"Manik juga mempamerkan lambang kedudukan sosial yang tinggi dalam masyarakat, simbol kekayaan dan menebus tawanan perang suatu ketika dulu.

"Malah, dalam acara ritual tertentu manik dipercayai mempunyai kuasa menyembuhkan penyakit, menjadi




Manik jenis lukut sekala berharga RM4,000 sebutir, mempamerkan nilai yang sangat tinggi bagi khazanah manik di Sarawak.

pelindung daripada malapetaka dan digunakan dalam adat untuk membayar denda atau hukuman," katanya.

Beliau berkata, nilai manik lukut sekala (raja segala manik bagi etnik Kayan), sangat bernilai tinggi yang tidak dapat diukur dengan nilai mata wang.

Lihat muka 42



Rantai leher Orang Ulu diperbuat daripada manik kaca yang bernilai tinggi.

Pengdong bayi melindungi semangat anak kecil digunakan keluarga aristokrat berstatus tinggi dalam masyarakat Kenyah.

Simbol kemewahan, status

“Charles Hose melaporkan di dalam bukunya *The Pagan Tribes of Borneo*, 1912 mengatakan manik ini sangat dinilai dengan harga USD100 (RM4,000) waktu itu (1912).

“Manakala masyarakat Kayan menilai manik ini bersamaan dengan nilai nyawa manusia yang bermakna harga sukar dijangkau.

“Ia adalah dianggap harta ‘master-piece’ dalam masyarakat waktu itu, malah sehingga kini.

Unik Manik Borneo

Dengan jolokan ‘Manik Borneo’, iaitu objek bersaiz kecil dan berwarna-warni antara yang sangat bernilai terutama bagi masyarakat Orang Ulu di Sarawak.

“Ia digunakan golongan bangsawan bagi melambangkan status sosial dalam masyarakat.


“Hanya golongan bangsawan yang boleh memiliki dan menggunakan manik sebagai perhiasan. Manik disulam menjadi rantai leher, tali pinggang dan gelang tangan,” katanya.

Manik sebagai perlindungan diri

Bagi masyarakat pribumi Kayan, manik lukut atau manik rosette digunakan sebagai perlindungan diri, antara fungsi manik ini.

Katanya, mengikut kepercayaan orang dulu, roh manusia tidak boleh meninggalkan badan. Seseorang akan sakit jika roh meninggalkan tubuhnya. Justeru, simbol lukut dicacah pada badan untuk melindungi individu terbabit.

Manik juga dicacah atas parang untuk



▲ Rantai leher Berawan dari Long Jegan, didermakan oleh Penghulu Patrick Jemain.

◀ Manik Bua wang batang uma.

dibawa berperang sebagai perlindungan diri,” katanya, selain disulam menjadi rantai yang menarik, tali pinggang dan penghias tambahan pada pengendong bayi.

Manik lukut ini ada dipamerkan di Muzium Sarawak.

Perubahan manik mengikut zaman

Walaupun manik menjadi perhiasan tradisi masyarakat Sarawak, namun ia berubah sesuai dengan peredaran zaman.

Katanya, penggunaan manik dalam kalangan masyarakat pribumi Sarawak juga berubah.

“Pengahjiran golongan muda ke bandar kerana peluang pendidikan dan

pekerjaan, sedikit sebanyak mengubah persepsi dan tafsiran mengenai manik.

“Jika dulu, manik jarang diperolehi, kini mudah didapati dan mampu dibeli.

“Begitu juga maksud atau tafsiran manik boleh dimiliki oleh sesiapa tanpa mengira status sosial berbanding zaman dulu,” katanya.

Beliau menggambarkan umpama warna manik yang tidak pernah pudar begitu juga minat masyarakat di Sarawak terhadap warisan seni ini.

“Sehingga hari ini, manik kekal sebagai perhiasan peribadi yang digemari, juga digunakan sebagai hiasan di rumah dan dijadikan cenderahati untuk rakan serta pelancong,” katanya.

Mitos manik Sarawak

Kedudukan manik dalam masyarakat dan sejarahnya di Sarawak sangat menarik, selain mendapat permintaan tinggi di peringkat antarabangsa.

Hasil manik menakjubkan dan bagi yang arif melihat hasilnya sudah dapat menentukan ia daripada etnik mana.

Ketua Seksyen Koleksi Jabatan Muzium Sarawak, Dora Jok, berkata setiap manik mempunyai identiti dan cerita mitos tersendiri mengikut 28 etnik di negeri itu.

Umpamanya, mitos mengenai asal usul manik bagi suku Kenyah bermula daripada kisah, Bali Sungai memberikan seutas rantai manik kepada seorang wanita dari suku Kenyah sebagai tanda lamaran untuk memperisterikannya. Bali Sungai adalah roh sungai. Wanita itu memberitahu keluarganya tentang lamaran itu. Sebelum wanita itu pergi kepada Bali Sungai, manik yang diberikan oleh Bali Sungai tadi ditinggalkan kepada keluarganya. Begitulah bermula sejarah manik dalam masyarakat Kenyah.

Mitos asal usul manik bagi pribumi Kayan pula, Dora berkata ia bermula daripada kisah seorang pemburu lelaki menikam seekor babi hutan menggunakan lembing.

Babi hutan itu tercedera akibat terkena lembing lelaki itu, namun berjaya melarikan diri.

Kemudian, pemburu itu menjejak darah babi hutan sehingga terjumpa sebuah perkampungan dan kelihatan

penduduk bersedih kerana anak ketua kampung cedera parah.

“Ketika pemburu menjenguk keadaan anak ketua kampung, dia terkejut melihat lembingnya berada di badan wanita itu. Dia percaya babi hutan itu adalah jelmaan wanita muda ketika memburu.

“Rentetan kejadian itu, pemburu terbabit meminta kebenaran menjaga wanita itu. Selepas sembuh mereka berkahwin dan hidup bahagia.

“Suatu hari pemburu berkenaan ingin pulang ke kampung asalnya, tetapi isterinya tidak dapat mengikut kerana percayai dirinya akan menjelma semula menjadi babi hutan.

“Atas rasa cinta, isteri memberitahu nanti ada musim babi hutan berhijrah ke lokasi lain dan akan berenang menyeberang Sungai Baram. Jika terjumpa babi hutan mempunyai tompok berwarna putih di bahagian belakang, isteri meminta supaya suaminya menikam babi itu.

“Memenuhi janji itu, pemuda berkenaan menikam babi hutan yang dijumpai dengan lembingnya sehingga mati yang sebenarnya ia adalah isterinya.

“Selepas setahun kejadian itu, lelaki menziarahi pusara isterinya dan melihat terdapat manik di situ. Inilah bermula kewujudan manik mengikut kepercayaan masyarakat Kayan,” katanya.

▲ *Topi manik dengan bermotifkan wajah manusia yang jarang-jarang digunakan. Motif ini dipercayai adalah untuk mengusir roh jahat dan sebagai pelindung kepada pemiliknya.*

Manik dipamer di Muzium Sarawak

Dengan pelbagai keunikan mengenai manik ini, Jabatan Muzium Sarawak mengambil inisiatif menyimpan koleksi perhiasan bernilai untuk tatapan orang ramai termasuk mendalaminya pengetahuan berkaitannya.

Katanya, antara koleksi manik itu adalah topi diperbuat daripada sisik ikan yang berfungsi sebagai pelindung kepala ketika berperang.

Koleksi lain topi cengkerang sebagai lambang kekayaan masyarakat Iban pada zaman dulu, selain pengendong bayi dibuat daripada manik dan ‘Umpok Buri’ yang menjadi khazanah tradisi Bumi Kenyalang.

“Topi wanita digunakan kaum Bidayuh turut dipamerkan di muzium ini.

“Kekemasan manik pada topi memperlihatkan pentingnya perhiasan berkenaan dalam budaya masyarakat pribumi Sarawak,” katanya menjelaskan pelbagai koleksi dari etnik lain dipamerkan.

Fungsi manik berbeza

Antara etnik yang menggunakan manik dalam kehidupan seharian ialah Kelabit, Iban, Kayan, Kenyah, Kajang, Punan Bah serta etnik lain di dalam Orang Ulu.

Fungsi manik berbeza mengikut budaya dan setiap kaum, menunjukkan lambang kemahiran menganyam manik, selain sebagai harta pusaka turun-temurun dengan wujud perbezaan antara manik lelaki dan perempuan.

“Dulu beberapa motif tertentu pada manik hanya digunakan oleh golongan bangsawan.

“Di kawasan kampung pula, manik masih digunakan masyarakat mengikut kepercayaan nenek moyang dan setiap fungsinya berbeza mengikut etnik.

“Mengikut kepercayaan manik berwarna-warni dipakaikan pada bayi untuk mengenalkan mereka dengan warna dan ditanggalkan apabila tangan menjadi besar. Jadi manik berada dalam kehidupan sejak kecil sehingga ke tua,” katanya.



Dora Jok

